

(25 mac 2021) Sinar Harian, p. 18

DBKL bina bangunan baharu

Bagi menggantikan tapak niaga yang terbakar di Pasar Datuk Keramat

Oleh NORAFIZA JAAFAR

KUALA LUMPUR

Dewan Bandaranya Kuala Lumpur (DBKL) akan membina bangunan baharu di tapak niaga Pasar Datuk Keramat yang terbakar pada 17 Mac lalu.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berkata, projek itu akan dijalankan selepas Hari Raya Aidilfitri bagi memberi laluan tapak sama digunakan untuk operasi bazar Ramadan.

“Cadangan kita adalah untuk merobohkan segera struktur bangunan terbakar supaya boleh dilakukan kerja untuk menyiapkan tapak baharu.

“Bangunan tersebut adalah separa kekal yang akan diguna-



Annuar (kanan) bertemu peniaga yang terlibat kebakaran kedai Pasar Datuk Keramat.

kan dalam tempoh enam tahun. Bangunan itu akan digunakan sementara menunggu projek pembangunan semula Pasar Datuk Keramat dilaksanakan seperti perjanjian yang ditandatangani dengan sebuah syarikat swasta pada 2017,” katanya pada perjumpaan bersama peniaga Pasar Datuk Keramat di Dewan Kompleks Sukan Datuk Keramat pada Rabu.

Annuar berkata, selepas pe-

robohan bangunan selesai, satu khemah besar akan disediakan yang dijangka mampu memuatkan 45 peniaga bazar Ramadan dengan setiap petak berkeluasan 100 kaki persegi.

Beliau berkata, khemah tersebut kemudian akan dibersihkan selepas Ramadan bagi memberi laluan kepada projek bangunan pasar dimulakan.

“Kita minta projek disiapkan tak lebih empat bulan, pe-

maju boleh buat persediaan dari sekarang. Lepas habis Ramadan, mereka boleh terus mulakan kerja.

“Dalam tempoh pembinaan, jika ada peniaga jumpa tempat berniaga di lokasi lain, kita akan pertimbangkan serta bantu mempermudah urusan,” katanya.

Mengikut perancangan, Pasar Datuk Keramat akan dibangunkan semula, namun setakat

Cadangan kita adalah untuk merobohkan segera struktur bangunan terbakar supaya boleh dilakukan kerja untuk menyiapkan tapak baharu.”

ini belum ada sebarang permulaan kerja dilaksanakan atas beberapa sebab.

Kaedah yang diputuskan untuk pembangunan tersebut adalah penyediaan penempatan baharu kepada penghuni di Flat Sri Perlis 1 sebelum tapak pangsupuri tersebut diruntuhkan untuk dibina tapak pasar baharu yang tempohnya mengambil masa enam tahun.

Dalam kejadian pada 17 Mac lalu, hampir 50 peniaga terlibat dalam kebakaran yang memusnahkan deretan kedai di Pasar Datuk Keramat.